

PM akhiri tugas bentang 10 dasar ekonomi berterusan

UM 31/10/2003 - 1, 10 PRECISE

Oleh ZAINI HASSAN
dan MOWARDI MAHMUD

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengakhiri tugasnya sebagai Perdana Menteri dengan membentangkan 10 dasar ekonomi berterusan kerajaan yang dilihat satu 'serah tugas' murni kepada penggantinya bagi menguruskan kejayaan negara.

Tumpuan dasar di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) itu ialah bagi tempoh 2004-2005.

Para penganalisis ekonomi dan pemerhati politik melihat tindakan Dr. Mahathir membentangkan dasar itu — 24 jam — sebelum melepaskan jawatan kepada Datuk Seri Abdullah Ah-

mad Badawi sebagai satu 'transisi kuasa' yang unik.

Menurut mereka, ia akan membolehkan Abdullah menguruskan kejayaan negara secara lancar bagi dua tahun ini.

● Lagi laporan Kajian Separuh Penggal RMK-8 di muka 2, 9, 17, 18, 19, 20

Dalam pembentangan yang memakan masa dua jam dan dipenuhi ahli-ahli Parlimen di Dewan Rakyat, Dr. Mahathir menyampaikan pesanan terakhir agar rakyat bangkit untuk menghadapi cabaran mendatang dan memikul tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.

"Jika kita melaksanakannya, maka tidak ada sebab mengapa kita tidak dapat terus mengecapi kejayaan dan menjadi negara yang ingin dicontohi oleh

dunia," katanya sambil menyebut 'Malaysia Boleh' semasa mengakhiri teks ucapan usul setebal 36 muka surat itu.

Sepuluh teras yang menjadi tumpuan dalam kajian separuh penggal RMK-8 untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, adil, berdaya tahan dan berdaya saing itu adalah:

- * Memperkukuhkan asas ekonomi makro;
- * Memperkuatkan ketahanan ekonomi bagi menghadapi sebarang kejutan;
- * Meningkatkan keupayaan melawan persaingan;
- * Menggiatkan semula pelaburan swasta dalaman terutama untuk kembali menjadi jentera pertumbuhan;
- * Meneroka sumber pertumbuhan baru;

* Mempercepatkan peralihan daripada teknologi rendah dan ekonomi berintensif tenaga kerja kepada ekonomi berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan;

* Meningkatkan kualiti sumber manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi yang diasaskan kepada nilai tambah yang lebih tinggi;

* Membangunkan masyarakat yang lebih adil dengan agihan kekayaan dan pembangunan sama rata;

* Menanam nilai-nilai hidup yang sesuai dengan pencapaian tinggi semua kaum; dan

* Meningkatkan kerjasama antarabangsa bagi kesejahteraan.

PM akhiri tugas bentang 10 dasar ekonomi berterusan

UM 31/10/2003 - 1. 10 PRECISE

Bagi memastikan semua perancangan berjalan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan menyediakan kepimpinan dan sumber yang diperlukan.

"Ia akan mengendalikan perundingan yang intensif dalam merangka strategi untuk menghadapi cabaran baru yang muncul atau, sebelum ia timbul," katanya yang kelihatan relaks sambil turut diperhati oleh isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Ali, anaknya Mokhzani, beberapa orang menteri besar dan para pegawai kerajaan di galeri pemerhati.

Dalam usaha untuk mewujudkan tenaga kerja berdaya saing - satu impian yang mahu dilihat berjaya oleh Dr. Mahathir - kerajaan akan "membentuk budaya bangsa Malaysia yang bersikap positif terhadap kerja, berdisiplin, rajin dan bertanggungjawab".

"Jika budaya ini diserapkan, semua rakyat Malaysia sama ada di desa atau di bandar, daripada apa jua kumpulan etnik akan menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera," katanya.

Tiga dimensi pembangunan sumber manusia yang akan diterapkan ialah pembangunan pengetahuan, pencapaian kemahiran dan penanaman nilai positif.

Dengan menekankan bahawa kaum bumiputera secara keseluruhannya masih perlu dibantu kerajaan, beberapa dasar baru kerajaan diperkenalkan, antaranya:

- Menubuhkan sebuah institusi pelaburan baru, Dana Harapan untuk menarik dan menggerakkan sumber kewangan bumiputera. Ini berikutan peratusan ekuiti saham Bumiputera telah berkurangan daripada 18.9 peratus pada 2000 kepada 18.7 peratus pada 2002.

- Kerajaan akan memberikan sekurang-kurangnya 60 peratus daripada perolehan dan kerja kontrak dalam projek kerajaan kepada bumiputera.

- Merumus program menaikkan taraf hidup masyarakat di kawasan pedalaman dan terpencil di Sabah dan Sarawak dan Orang Asli di Semenanjung.

Sambil menyifatkan kaum bumiputera "masih tidak seimbang" Dr. Mahathir berkata, kerajaan menyedari bahawa usaha untuk meningkatkan ekuiti Bumiputera dalam tempoh akhir RMK-8 ini akan menjadi lebih mencabar terutamanya berikutan globalisasi dan liberalisasi.

"Sehubungan itu lebih banyak usaha diperlukan untuk menyediakan peluang kepada bumiputera dalam sektor terpilih sekiranya sasaran 30 peratus ekuiti bumiputera menjelang tahun 2010 ingin dicapai," katanya.

Menurutnya dalam pada itu beliau mengakui syarikat dan perniagaan bumiputera masih terlalu rapuh dan mudah dirosakkan oleh faktor-faktor seperti kegawatan dan pertumbuhan ekonomi yang rapuh.

Selain itu, beliau mengumumkan bahawa tahap kemiskinan negara telah berkurangan kepada 5.1 peratus pada tahun 2002 dan menjangka kemiskinan mutlak dapat dibasmiakan sepenuhnya pada 2005.

Beliau juga memberitahu daripada segi pendapatan isi rumah purata di Malaysia telah meningkat sebanyak tiga kali ganda daripada RM1,098 sebulan pada 1983 kepada RM3,011 sebulan pada 2002.

"Kenaikan ini tidak terlibat di mana-mana negara lain," katanya.

Daripada angka-angka itu, kata-

nya jelas program pembangunan dan pengurangan kemiskinan oleh kerajaan berjaya mencapai matlamatnya.

"Tetapi apabila kemiskinan sudah dapat dihapuskan kita perlu tingkatkan paras pendapatan kemiskinan supaya usaha akan terus dibuat untuk menaikkan pendapatan mereka yang berada di bawah paras kemiskinan yang baru."

Oleh itu, katanya kerajaan akan terus melaksanakan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) melalui projek yang dapat menjamin pendapatan yang lebih tinggi.

"Tetapi rakyat sendiri perlu bantu dengan menguasai kecekapan dan ilmu serta sanggup bekerja dengan lebih rajin dan tekun," katanya.

Dalam kata penutupnya yang disifatkan intipati keseluruhan ucapan itu, Dr. Mahathir mengingatkan rakyat bahawa mereka tiada pilihan melainkan untuk terus meningkatkan daya saing, mengukuhkan daya tahan serta meningkatkan produktiviti dan kreativiti mereka.

Mengenai perpaduan nasional, beliau berkata ia merupakan satu-satunya aset yang membolehkan rakyat menikmati aset lain yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada bumi bertuah ini.

"Bagi saya, sepanjang tempoh saya menjadi Perdana Menteri adalah satu pengalaman yang menyenangkan, melihat rakyat Malaysia bersatu hati dalam menghadapi krisis," tegasnya mengakhiri ucapannya kira-kira pukul 1 tengah hari.